

PERIBAHASA (ITEM DALAM TEKS)
Latihan 1

ARAHAN: Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

Encik Amin pemandu teksi sejak dia masih bujang. Sekarang dia sudah berkeluarga dan mempunyai seorang anak lelaki yang berusia 20 tahun. Encik Amin seorang yang bertanggungjawab, (1)<u>cekal</u> dan tabah. Setiap hari termasuk hari Ahad, dia akan (2)<u>bekerja bermati-matian</u> siang dan malam. Encik Amin perlu menanggung perbelanjaan universiti anaknya. Isterinya yang menghadapi penyakit ginjal perlukan perbelanjaan perubatan yang tinggi. Segala pengorbanannya ini dilakukan dengan (3)<u>putih hati</u>. Hadi faham betapa besar pengorbanan ayahnya itu. Dia tidak mahu menjadi seperti (4)<u>seorang yang tidak mengenang jasa orang yang telah membelanya</u>. Hadi tidak putus-putus (5)<u>perah otak</u> untuk mencapai kejayaan. Dia berazam mahu membalas jasa-jasa ibu bapanya. Dia mahu ibu bapanya berehat kerana sudah lama benar mereka bekerja keras demi untuk masa depannya.	1 (1) tahan hati (2) hilang akal (3) tajam ingatan (4) diam-diam ubi () 2 (1) tahan uji (2) berani mati (3) banting tulang (4) tulang belakang () 3 (1) sedih (2) ikhlas (3) kecewa (4) cemburu () 4 (1) aur dengan tebing (2) kacang lupakan kulit (3) anjing dengan kucing (4) katak di bawah tempurung () 5 (1) doa bersungguh-sungguh (2) kerja bersungguh-sungguh (3) marah bersungguh-sungguh (4) belajar bersungguh-sungguh ()
--	--

PERIBAHASA (ITEM DALAM TEKS)
Latihan 2

ARAHAN: Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

Sairi berasa penat dan bosan melicinkan papan-papan yang akan dibuat rak-rak buku. "Ayah, penatlah gosok papan-papan ini dengan kertas pasir. Tak payah licinkanlah," kata Sairi. "Ya, ayah faham. Kalau hendak buat sesuatu supaya bagus, cantik dan kemas dengan sendiri memang makan masa yang lama dan susah. Kita mesti (1) <u>tekun dan sabar membuat sesuatu pekerjaan, akhirnya akan berjaya</u>," jawab ayahnya. "Saya tidak (2) <u>tahan hati</u> macam ayah. Kita beli yang baru sahaja ayah," kata Sairi. "Kita mesti bersabar melakukan sesuatu kerja. Lagi pun Sairi tidak perlu (3) <u>bertungkus-lumus</u> sebagai mana Sairi buat kerja-kerja lain," jawab ayahnya. Sairi berfikir lalu menjawab, "Ya, betul kata ayah itu. Daripada saya (4) <u>menghitung bulu kambing</u> lebih baik buat rak-rak ini hingga siap." "Bagus itu, nak. Ayah berasa (5) <u>lapang dada</u> dengar kata-kata Sairi itu," kata ayahnya.	1 (1) seperti dakwat dengan kertas (2) seperti pahat dengan penukul (3) air dicencang tidak akan putus (4) sehari selembat benang, lama-lama jadi kain () 2 (1) cekal (2) segar (3) kekal (4) tekun () 3 (1) tahan uji (2) tahan hati (3) perah otak (4) perah tenaga () 4 (1) membuat kerja yang perlu (2) membuat kerja yang rumit (3) membuat kerja yang sia-sia (4) membuat kerja yang dipaksa () 5 (1) berasa khuatir (2) berasa cergas (3) berasa senang (4) berasa nyaman ()
---	--

PERIBAHASA (ITEM DALAM TEKS)
Latihan 3

ARAHAN: Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

Encik Kumar bekerja dengan saudagar beras. Kerjanya menghantar berguni-guni beras ke restoran, kedai-kedai dan gerai-gerai makan. Upahnya bergantung kepada bilangan guni beras yang dihantar setiap hari. Setiap hari dia akan (1)<u>banting tulang</u> untuk mendapat upah yang lebih. Encik Kumar tidak berpelajaran sejak kecil lagi. Dia (2)<u>seperti seorang yang tahu akan hal-hal di sekelilingnya sahaja</u>. Encik Kumar tidak pedulikan anggapan orang lain. Dia tahu dia menjadi (3)<u>tulang belakang</u> keluarganya yang besar. Dia akan buat kerjanya (4)<u>seperti lipas kudung</u>. Kadang-kadang dia selalu memikul dua guni beras yang berat itu dan bergerak dengan cepat seperti orang sedang berlari. Kawan-kawan sekerja Encik Kumar segan dan menghormatinya kerana sikapnya yang (5)<u>jujur</u>. Dia sedia membantu kawan-kawannya untuk meringankan kerja-kerja mereka jika mereka kurang sihat atau penat.	1 (1) bekerja bermati-matian (2) mengangkat sesuatu yang berat (3) membuat sesuatu dengan marah (4) menghentakkan kaki dengan geram () 2 (1) bagai kacang lupakan kulit (2) bagai anjing dengan kucing (3) bagai menghitung bulu kambing (4) bagai katak di bawah tempurung () 3 (1) orang yang dipuji (2) orang yang sangat dikasihi (3) orang yang tinggal bersama (4) orang yang menjadi harapan () 4 (1) melakukan sesuatu dengan laju (2) melakukan sesuatu dengan deras (3) melakukan sesuatu dengan pantas (4) melakukan sesuatu dengan kencang () 5 (1) cari akal (2) lurus akal (3) ringan mulut (4) ringan tangan ()
---	---

PERIBAHASA (ITEM DALAM TEKS)
Latihan 4

ARAHAN: Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

Luqman disayangi guru-guru di sekolahnya. Mereka berasa senang mengajarnya kerana dia (1)<u>cepat menerima dan faham pelajaran atau nasihat</u>. Luqman seorang murid yang (2)<u>tajam hati</u>. Dia juga pendiam dan suka duduk seorang diri. Walaupun demikian, dia tidak sombong. Dia ada ramai kawan. Sebenarnya, Luqman (3)<u>diam-diam ubi</u>. Luqman tidak seperti ramai pelajar lain yang bersikap (14)<u>membuat sesuatu pekerjaan apabila disuruh sahaja</u>. Pada setiap hari dan bila-bila sahaja ada masa lapang, dia akan membaca buku atau (15)<u>belajar bersungguh-sungguh</u>. Dia tidak akan tunggu peperiksaan menjelang baharu dia menelaah pelajaran.	1 (1) panjang akal (2) tajam ingatan (3) seperti garam jatuh ke laut (4) seperti dakwat dengan kertas () 2 (1) sihat dan cerdas (2) jujur dan cerdas (3) pandai dan sihat (4) pandai dan cerdas () 3 (1) pendiam kerana bersikap sombong (2) pendiam tetapi banyak pengetahuan (3) tidak suka berbual kerana tidak mahu membuang masa (4) tidak mahu berbual dengan kawan-kawan sebaya dengannya () 4 (1) seperti lipas kudung (2) menghitung bulu kambing (3) seperti pahat dengan penukul (4) air dicencang tidak akan putus () 5 (1) perah otak (2) perah tenaga (3) banting tulang (4) mengorak langkah ()
---	---

PERIBAHASA (ITEM DALAM TEKS)

Latihan 5

ARAHAN: Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

Kami sekeluarga sering pergi ke Melaka pada hujung minggu. Kami ke sana untuk menziarah nenek dan datuk saya yang tinggal di sebuah kampung di Sungai Udang.	1 (1) menerima kedatangan seseorang dengan gembira (2) menerima kedatangan seseorang dengan berjabat tangan (3) menerima kedatangan seseorang dengan bertepuk tangan (4) menerima kedatangan seseorang dengan menghulur tangan ()
Setibanya kami di rumah datuk dan nenek, kami akan disambut dengan (1)<u>tangan terbuka</u>.	2 (1) tua (2) jujur (3) bijak (4) hormat ()
Datuk saya yang (2)<u>panjang akal</u> itu telah dilantik sebagai penghulu oleh penduduk kampung itu. Sejak sepuluh tahun dahulu, datuk saya berkhidmat kepada penduduk-penduduk kampung itu dengan (3)<u>ikhlas</u>.	3 (1) tahan uji (2) putih hati (3) tajam hati (4) tahan hati ()
Semasa berbual-bual selepas makan malam, nenek saya yang berusia hampir 70 tahun itu suka bercerita kisah-kisah semasa ayah saya masih kecil. Nenek saya itu (4)<u>sentiasa ingat apa yang berlaku di sekitarnya</u>.	4 (1) perah otak (2) perah tenaga (3) tajam ingatan (4) diam-diam ubi ()
Saya kagum melihat keadaan pasangan nenek dan datuk saya itu yang (5)<u>sangat sesuai dan secocok</u>. Saya berharap dapat menziarahi mereka seberapa kerap yang boleh.	5 (1) seperti isi dengan kuku (2) seperti aur dengan tebing (3) seperti dakwat dengan kertas (4) seperti pahat dengan penukul ()